

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR  
[ JOHOR BAHRU ]**

**TARIKH : 9.7.2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 78**

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL  
PENGGUNA** menyatakan :-

- (a) bilangan aduan yang diterima daripada orang ramai berkaitan kenaikan harga barang keperluan asas pada musim perayaan baru-baru ini.
- (b) Tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi menangani aduan tersebut.

**JAWAPAN**

**Yang Di-Pertua,**

- (a) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak akan berkompromi dan akan bertindak tegas terhadap aduan yang diterima daripada orang ramai bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan mengekplotasi harga dan menjelaskan kepentingan pengguna terutamanya pada musim perayaan.

Sepanjang **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baru Cina** yang bermula pada **30 Januari 2019** hingga **8 Februari 2019** kementerian ini telah menerima aduan sebanyak **10 aduan** bagi seluruh negara dimana aduan yang diterima terdiri daripada **9 aduan menjual melebihi harga maksimum (Musim Perayaan)** dan **1 aduan tidak menggunakan tanda harga merah jambu (Musim Perayaan)**. Skim kawalan harga ini melibatkan **13 jenis barang** seperti ayam, telur ayam, bawang putih (China), udang putih besar dan daging babi.

Manakala jumlah aduan yang diterima sepanjang **SHMMP Hari Raya Aidilfitri** yang dikuatkuasakan pada **21 Mei 2019** hingga **19 Jun 2019** adalah sebanyak **25 aduan** bagi seluruh negara dimana aduan yang diterima terdiri daripada **8 aduan menjual melebihi harga maksimum (Musim Perayaan)**, **4 aduan tidak menggunakan tanda harga merah jambu (Musim Perayaan)** dan **13 aduan berkenaan tiada tanda harga** yang melibatkan **27 barang** keperluan asas seperti ayam, telur gred A, cili kering, kacang panjang dan ikan kembung.

Jumlah aduan yang diterima sepanjang **SHMMP Pesta Keamatan di Sabah dan Labuan** yang bermula pada **23 Mei 2019** hingga **5 Jun 2019** adalah sebanyak **13 aduan** yang melibatkan negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Aduan yang diterima adalah berkenaan **10 aduan menjual melebihi harga maksimum (Musim**

**Perayaan), 1 aduan tidak menggunakan tanda harga merah jambu (Musim Perayaan) dan 2 aduan berkenaan harga mahal.** Barang kawalan yang terlibat adalah sebanyak **14 jenis barang**. Antara barang yang terlibat adalah seperti ayam hidup, telur ayam gred A, cili kering dan bawang merah kecil (India).

Manakala jumlah aduan yang diterima bagi **SHMMP Hari Gawai** pada **25 Mei 2019 hingga 7 Jun 2019** di Sarawak adalah berjumlah **2 aduan** iaitu **1 aduan menjual melebihi harga maksimum (Musim Perayaan)** dan **1 aduan berkenaan harga mahal**. Terdapat **14 jenis barang** yang terlibat sepanjang SHMMP ini seperti ayam hidup, daging babi (perut), bawang putih (China) dan telur ayam (Gred A).

- (b) Sebanyak **50 keseluruhan aduan** yang diterima sepanjang empat (4) musim perayaan iaitu **Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Pesta Keamatan dan Hari Gawai**. Daripada jumlah keseluruhan aduan tersebut, sebanyak **13 kes telah dihasilkan** iaitu **tidak menggunakan tanda harga merah jambu (Musim Perayaan)** yang disiasat dibawah **Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Panandaan Harga Barang Harga Terkawal) 2019**. Penghasilan kes ini dihasilkan daripada **1 kes SHMMP Tahun Baru Cina, 11 kes SHMMP Hari Raya Puasa** dan **1 kes SHMMP Pesta Keamatan**.

Kementerian ini mempunyai pelbagai saluran aduan bagi memudahkan orang awam menyampaikan aduan kepada kementerian. Saluran aduan sedia ada yang terdapat di kementerian ini adalah **aplikasi whatsapp KPDNHEP 019-2794317, Portal E-Aduan, aplikasi telefon pintar Ez Adu, talian hotline KPDNHEP 1-800-886-800** dan hadir sendiri ke mana-mana **pejabat/cawangan KPDNHEP** yang berhampiran.

Sekian, terima kasih.